



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

DEWAN RAKYAT MELULUSKAN RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG YAYASAN TUNKU ABDUL RAHMAN (YTAR) (PINDAAN) 2025

KUALA LUMPUR, 27 Februari – Dewan Rakyat pada 26 Februari 2025 telah meluluskan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) (Pindaan) 2025. Pindaan-pindaan ini akan memberi manfaat kepada rakyat di mana YTAR akan dapat memperluaskan objektifnya dan mempertingkatkan bantuan kepada rakyat, terutamanya golongan belia serta menyumbang kepada pembangunan modal insan negara.

Pindaan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman ini bertujuan untuk **meningkatkan tahap tadbir urus Yayasan melalui penambahbaikan tatakelola Lembaga Pemegang Amanah Yayasan dan memberikan ruang kepada YTAR untuk memperkasakan strategi pelaburan mengikut prestasi pasaran yang boleh memberi pulangan yang baik selain meningkatkan pendapatan dalam memberikan sokongan kepada lebih ramai pelajar melalui biasiswa.**

Antara pindaan-pindaan yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat terhadap seksyen di dalam Rang Undang-undang tersebut adalah seperti berikut :

- i. Seksyen 2 berkaitan Takrif Menteri;
- ii. Seksyen 5 berkaitan Lembaga;
- iii. Mewujudkan Seksyen Baharu 7A iaitu objektif YTAR;
- iv. Seksyen 8 berkaitan Skop Penggunaan Dana;
- v. Seksyen 9 berkaitan Syarat Pemberian;
- vi. Seksyen 11 berkaitan Pemberhentian Pemberian; dan
- vii. Seksyen 13 berkaitan Had Pelaburan YTAR.

Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) ditubuhkan bagi memberi sokongan kepada golongan muda Malaysia untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Sejak penubuhannya, YTAR telah membantu lebih 9,500 belia melalui biasiswa, akses ke pengajian tinggi, dan program kebolehpasaran graduan.

Kementerian Perpaduan Negara

15 Februari 2025

KPN.100-9/1/16 (13)